

## IV

## PENCERAIAN

Walaupun penceraian adalah satu perkara yang sangat-sangat tidak digalakkan oleh agama, perkara ini terjadi dengan kadar yang tinggi. Kadar ini tidak banyak berbeza dari setahun kesetahun.

## JADUAL 3

## PERANGKAAAN NIKAH, CERAI DAN RUJUK.

TAHUN	1971	1972	1973	1974
NIKAH	1,065	1,011	1,051	1,199
CERAI	354	328	307	359
RUJUK	57	54	47	75
% CERAI/NIKAH	33.24	32.44	29.21	29.93
% RUJUK/CERAI	16.95	16.46	15.30	20.89

Sumber: Disusun berdasarkan butir-butir dari laporan tahunan Jabatan.

Kadar penceraian ialah diantara 29% - 33%. Sejak kebelakangan ini iaitu bagi tahun-tahun 1973 dan 1974, kadarnya berkurangan sedikit. Disamping itu kadar rujuk adalah diantara 15% - 20%. Bayaran untuk mendapatkan pendaftaran nikah, cerai dan rujuk ialah satu

ringgit sahaja bagi tiap-tiap satu. Bagi pasangan yang hendak bercerai, mereka diperlukan mengisi borang permohonan cerai iaitu borang "U"<sup>1</sup>. Antara butir-butir yang perlu diisi ialah pekerjaan pihak lelaki dan pihak perempuan, ramainya anak, samada pihak lelaki masih lagi ada berhutang kepada pihak perempuan mengenai maskahwin dan belanja, nafkah isteri dan nafkah anak, penyelesaian mengenai harta benda dan sebab-sebab hendak bercerai. Disamping itu pihak Pendaftar/Pemulung Pendaftar dikehendakki menentukan samada perempuan itu suci<sup>2</sup> atau tidak. Penceraian hanya boleh dilakukan jika si perempuan suci atau hamil.<sup>17</sup>

Mengikut s. 90(1), Kadi hanya boleh memberi kebenaran bercerai setelah ia berpuashati bahawa perdamaian diantara kedua pihak itu mustahil dilakukan. Dari apa yang saya dapati, Kadi jarang-jarang sekali cuba mendamaikan pasangan-pasangan yang hendak bercerai itu. Dia akan membenarkan mereka bercerai tanpa banyak nasihat diberi. Bila ditanya kenapa dia tidak cuba mendamaikan pasangan-pasangan itu Kadi memberitahu bahawa dia lakukan demikian untuk mengelakkan kesusahan yang mungkin akan menimpa pihak perempuan dan juga untuk mengelakkan daripada orang ramai memburuk-burukannya. Semasa dia mula-mula memegang jawatannya dia selalu cuba mendamaikan pasangan-pasangan yang hendak bercerai. Satu perkara yang tidak diingini telah berlaku kepada pasangan-pasangan yang telah menerima nasihatnya.

---

<sup>1</sup>Lihat m.s. 78

<sup>2</sup>Suci disini bermakna siperempuan itu telah datang haiznya pada bulan itu.

Setelah mereka berbaik buat sementara waktu, akhirnya mereka akan "ber-gadu" semula. Pada masa itu, apabila siisteri menyuruh suaminya mence-raikannya, sisuami akan menuntut bayaran dari isterinya itu sebagai upah baginya menceraikan isterinya. Siisteri akan datang memarahi Kadi ke-rana tidak membenarkan mereka bercerai semasa mereka datang dahulu.

Adakalanya pihak lelaki menceraikan isterinya tanpa pergi berjumpa dengan Kadi dahulu atau tanpa mengisikan borang-borang ber-kenaan. Walau bagaimana pun mereka selalunya menjatuhkan talak itu dihadapan pegawai akad nikah atau ketua Jabatan masing-masing (ter-utamanya orang-orang yang bekerja jauh dari Perlis, tetapi meninggal-kan isteri mereka itu di Perlis). Mereka diperlukan melapurkan per-kara itu kepada Kadi dalam masa tujuh hari dari tarikh penceraian itu, untuk didaftarkan.<sup>3</sup> Kadi (sebagai Penulung Pendaftar nikah dan cerai) akan memberitahu perkara itu kepada pihak perempuan<sup>4</sup> hanya selepas edah iaitu tiga bulan.

Mengenai bilangan talak, pada penceraian pertama hanya dikira satu talak sahaja. Walaupun pihak lelaki mengatakan dia menceraikan isterinya dengan tiga talak sekali gus Kadi hanya akan mengira talak itu sebagai satu talak sahaja. Ini menunjukan bahwa undang-undang

---

<sup>3</sup>Enakmen, s. 90(2).

<sup>4</sup>Ibid., s. 92(2).

Islam di Perlis benar-benar mengikut Quran dan Sunnah. Bilangan talak satu persatu seperti ini telah diamalkan pada masa Nabi Muhammad S.A.W. dan hanya diubahkan oleh Khalifah Omar. Juga kita dapati sekarang ini bilangan seperti yang digunakan di Perlis telah mendapat perhatian di-negara-negara Arab dan Pakistan. Di negeri-negeri lain di Malaysia Barat, umpamanya negeri Kedah, bilangan talak dikira mengikut lafaz seseorang. Oleh itu pernah terjadi beberapa kali dimana pasangan-pasangan yang telah bercerai dengan tiga talak sekali gus, datang untuk menikah semula di Perlis. Kadi tidak akan menikahkan mereka semula. Kadi hanya akan menikahkan semula pasangan-pasangan yang telah mendaftarkan penceraian mereka di Perlis. Langkah yang diambil oleh Kadi adalah baik kerana jika ia membetarkan orang-orang yang telah bercerai di Negeri Kedah dengan tiga talak sekali gus menikah semula di Perlis, ini akan menimbulkan keadaan yang tidak disukai oleh pihak Majlis Uga-ma Negeri Kedah. Ianya seolah-olah mempermainkan undang-undang Negeri Kedah.

Seterusnya undang-undang mengenai bilangan talak seperti yang dibuat di Perlis amatlah baik kerana ianya dapat mengelakkan daripada berlakunya "Cina Buta". Selalunya pasangan yang datang hendak berce-rai itu adalah didalam keadaan "tegang". Didalam keadaan begini mereka tidak dapat berfikir dengan secara rasional dan segala perbuatan dilaku-kan dengan menurut kata hati. Oleh yang demikian, ramai diantara mereka itu bercerai dengan tiga talak sekali gus tanpa berfikir panjang. Akibat-

nya mereka akan menyesal kemudiannya nanti. Ini jelas terbukti dengan adanya pasangan di negeri lain yang telah berbuat begitu datang untuk menikah semula di Perlis.

Mengenai talak yang dijatuhkan oleh seseorang suami yang berada didalam keadaan mabuk atau dipaksa, Kadi akan menyiasat perkara itu dengan teliti samada dia benar-benar berkeadaan begitu semasa melafazkan talak. Jika benar, maka talak itu tidak akan dikira berkuatkuasa. Mengikut Kadi, pernah terjadi disatu masa seorang lelaki datang bertanya akan kedudukannya (lelaki itu) dengan isterinya. Dia telah melafazkan talak keatas isterinya semasa dia didalam keadaan mabuk. Bila ditanya bagaimana dia tahu perkara itu kerana dia mabuk, dia menerangkan bahawa isterinya yang memberitahu perkara itu. Kadi telah berpuas hati bahawa lelaki itu sebenarnya mabuk semasa ia lafazkan talak itu dan Kadi memutuskan talak itu tidak berkuatkuasa.

#### JENIS-JENIS PENCERAIAN

#### JADUAL 4

#### PERANCKAAN NIKAH DAN CERAI 1975

Tahun	Jumlah Penceraian	Jumlah Penceraian melalui				Jumlah Besar	Rujuk
		A	B	C	D		
1975	1126	28	-	41	283	352	75

Sumber: Pejabat Kadi.

**Keterangan:**

- A..... Taklik.
- B..... Fasah.
- C..... Tebus Talak.
- D..... Cerai Biasa.

Walaupun terdapat empat jenis penceraian, talak, taklik, fasah dan tebus talak, berdasarkan jadual 4, kita dapati hanya tiga jenis sahaja yang diamalkan di Perlis dalam tahun 1975. Cerai biasa (talak) adalah yang terbesar sekali iaitu berjumlah 283 dari 352 penceraian yang berlaku. Cerai biasa dilakukan dengan suami menjatuhkan talak keatas isterinya.

Tebus talak<sup>5</sup> adalah yang kedua terbesar, iaitu 41 dari 352 penceraian. Tebus talak dilakukan dengan pihak isteri membayar ganti rugi untuk bercerai kepada suaminya. Tebus talak selalunya berlaku apabila si isteri tidak dapat hidup bersama lagi dengan suaminya kerana tiada persefahaman kerana isteri tidak sukakan suaminya lagi. Tebus talak adalah sama seperti khula. Ada kemungkinan khula (tebus talak) ini didalam praktiknya atau pelaksanaannya menemui kesulitan-kesulitan disebabkan ketidak jujuran baik si suami maupun si isteri. Umpamanya si isteri hanya mahu memberi sedikit sahaja atau si suami mahu sebanyak-banyaknya.

---

<sup>5</sup>Tebus talak adalah mempunyai erti yang sama dengan khula.  
Ahmad Ibrahim, Prof. Op. cit. n. 16. m.s. 293

Maka timbullah dua aliran pendapat mengenai masaalah khula dalam Fiqh  
iaitu :

1) Mazhab Shafie; boleh khula manakala suami isteri telah salajing setuju tentang jumlah barang yang akan diterimakan perempuan pada pihak laki-laki.

2) Mazhab Hanafi; Kalau siisteri sudah memulangkan seluruh harta benda, maka cerai kamu orang, sesuai dengan faham Imam Abu Hanifah bahwa khula itu ditangan perempuan dan menimbulkan penceraian.

Jadi tidak disoalkan kemungkinan perdamaian tentang jumlah.<sup>6</sup>

✓ Apa yang disoalkan ialah jumlah <sup>bayaran</sup> tentang penceraian. Cara yang dipraktikkan di Perlis adalah seperti berikut. Pihak isteri semasa membuat tuntutan itu akan meletakkan jumlah bayaran yang ia sanggup buat. Pihak suami pula dalam jawapannya akan meletakkan jumlah bayaran yang ia sanggup terima. Pertikaian timbul disebabkan tidak ada persetujuan mengenai bayaran itu. Oleh yang demikian pihak-pihak yang berkenaan akan diminta mengadakan perbincangan di mahkamah. Kadi akan menentukan jumlah bayaran yang patut dibuat dengan scadil-adilnya, jika tidak juga terdapat kata sepakat. Antara perkara-perkara yang dipertimbangkan oleh Kadi didalam  
✓ membuat keputusannya ialah jumlah maskahwin dan hantaran yang dibuat

---

<sup>6</sup> Abdullah Siddik, Hukum Perkahwinan Islam, Jakarta, Penerbit Tintamas, 1968, m.s. 84.

semasa mereka berkahwin, kedudukan kewangan pihak isteri dan alasan-alasan penceraian yang dikemukakan oleh isteri.

Apabila timbul perselisihan atas hukuman yang telah diputuskan oleh mahkamah maka kedua-dua pihak boleh memohon dalam masa empat belas hari untuk melantik wakil masing-masing untuk mencari jalan bagi menyelesaikan perselisihan itu. Kedua-dua wakil itu berkuasa ;

- (a) Bagi pihak lelaki berhak menerima tebus talak;
- (b) Bagi pihak perempuan berhak menerima talak.<sup>7</sup>

Perlantikan wakil-wakil ini dibuat oleh pihak-pihak yang terlibat sendiri melalui borang lantikan wakil iaitu borang "R"<sup>8</sup>. Jikalau wakil-wakil ini tidak dapat menyelesaikan perselisihan itu, (selalunya mereka tidak sanggup menerima tebus talak atau talak tanpa persetujuan pihak-pihak yang terlibat walaupun mereka berkuasa berbuat demikian) maka mereka hendaklah memberitahu mengenai perkara itu dan meletakkan jawatan mereka. Selepas itu Kadi berhak melantik hakam iaitu seorang bagi tiap-tiap pihak, untuk menyelesaikan perkara itu. Hakam bagi pihak lelaki berhak menggugurkan talak perempuan itu.<sup>9</sup> Walau bagaimanapun hakam juga jarang-jarang sanggup menjatuhkan talak tanpa persetujuan pihak-pihak terlibat. Hakam hendaklah melaporkan kepada Kadi bahawa mereka juga tidak dapat menyelesaikan masalah itu dan meletakkan

---

<sup>7</sup>Enakmen, s. 90A(1).

<sup>8</sup>Lihat m.s. 79

<sup>9</sup>Enakmen, s. 90A(2) (a).



jawatan mereka. Selepas itu Kadi hendaklah <sup>melapur itu</sup> perkara kepada Majlis, untuk...  
mendapat keputusan muktamad.<sup>10</sup> Majlis boleh menjatuhkan talak tanpa persetujuan suami dan membuat keputusan-keputusan lain terutamanya mengenai bayaran tebus talak. Akibat dari penceraian secara khula (tebus talak) tersebut, perkahwinan antara suami isteri putus dengan tiada kemungkinan untuk rujuk. Jika si suami mahu mengambil isterinya semula, ia harus nikah lagi.<sup>11</sup>

Dari keterangan diatas, nampaknya perkembangan tebus talak (atau khula) telah telah sampai kepada tebus talak paksaan. Nampaknya tebus-talak (khula) paksaan itu serupa dengan Fasah, terutamanya jika ditinjau dari sudut talak yang jatuh atas keputusan Kadi. Tetapi justru kerana si isteri dihukum bayar tebus talak kepada si suami, maka ia bukan Fasah.<sup>12</sup>

AISHAH BINTI AWANG v. MAN BIN HUSAIN<sup>13</sup>

Isteri menuntut cerai dengan bertebus talak dengan bayaran satu ratus ringgit. Suami tidak bersetuju dengan bayaran itu. Didalam perbicaraan, Kadi telah memutuskan jumlah bayaran sebanyak \$150.00. Oleh kerana kedua-dua tidak bersetuju dengan keputusan itu, maka mereka telah melantek wakil masing-masing untuk menyelesaikan perselisihan itu. Wakil-wakil tersebut tidak dapat menyelesaikan perkara itu. Kemudiannya Kadi

---

<sup>10</sup> Enakmen, s.90A(3).

<sup>11</sup> Abdullah Siddik, op. cit.n.4, m.s.86.

<sup>12</sup> Ibid., m.s.86, dimana pengarang menggunakan Hukum Adat Redjang sebagai contoh.

<sup>13</sup> Butir-butir kes ini diberi oleh kerani Mahkamah Kadi pada 17.4.76, no.29/73 khb.

telah melantik hakam untuk menyelesaikannya perselisihan itu. Hakam juga tidak dapat menyelesaikan perkara itu. Oleh itu Kadi telah mengemukakan perkara itu kepada Majlis pada 5.6.74. Keputusannya diberi oleh pihak Majlis pada 14.4.76. Keputusan yang dibuat oleh Majlis adalah sama seperti keputusan Kadi iaitu menebapkan jumlah bayaran tebus talak sebanyak \$150.00. Disamping itu Majlis telah menggugurkan talak perempuan itu dengan satu talak.

Komen: Masa yang diambil oleh Majlis untuk membuat keputusan adalah terlalu lama iaitu hampir dua tahun. Adalah diharapkan agar pihak Majlis dapat memberi perhatian yang lebih berat terhadap tugas-tugas mereka supaya orang ramai tidak akan mengalami kesukaran. Kelambatan ini bukanlah disebabkan oleh kerana tugas-tugas yang banyak yang perlu dijalankan oleh Majlis, tetapi adalah kerana penyelerasan kerja-kerja Majlis yang tidak begitu baik. Memandangkan keadaan dimana segala keputusan Kadi mengenai perkara-perkara seperti ini disahkan oleh pihak Majlis dan pihak-pihak yang menjadi wakil-wakil dan hakam-hakam tidak berani membuat keputusan sendiri<sup>14</sup> maka adalah lebih baik jika satu peruntukan baru dibuat dimana membolehkan Kadi menjatuhkan talak dan segala keputusan Kadi muktamad. Dengan itu tugas wakil-wakil, hakam-hakam dan pihak Majlis didalam perkara ini, dihapuskan. Ini akan menyelamatkan pertelanjangan dan masa bagi pihak-pihak yang terlibat.

---

<sup>14</sup>Butir-butir ini diberi oleh Kadi.

Cerai taklik pula dilakukan apabila pihak suami melanggar syarat-syarat didalam surat taklik.<sup>15</sup> Pihak isteri boleh menuntut untuk mempersahkan taklik itu daripada Kadi.<sup>16</sup>

Fasah adalah pembubaran perkahwinan yang dibuat atas perintah mahkamah. Penceraian secara fasah tidak berlaku kerana isteri boleh menuntut cerai mengikut taklik kerana tidak memberi nafkah. Didalam keadaan ini cerai fasah hanya boleh berlaku apabila pihak suami hilang fikiran (gila). Tuntutan cerai lain daripada fasah tidak boleh dibuat kerana suami tidak boleh membaca tuntutan isterinya. Untuk berjaya didalam tuntutan fasah seperti ini pihak yang menuntut hendaklah mendapat laporan atau pengesahan dari pegawai perubatan bahawa lelaki itu benar-benar gila. Hak khula dan fasah ini sebenarnya adalah imbalan dari hak talak lelaki yang diberi kepada wanita untuk melakukan sesuatu yang akibatnya menimbulkan sesuatu yang akibatnya menimbulkan penceraian.<sup>17</sup> Dengan adanya hukum-hukum fasah dan khula bagi wanita-wanita, dimana kepada wanita diberi hak mengakhiri sesuatu perkahwinan yang tidak dapat <sup>di</sup>baikki lagi, nampaknya betapa tinggi dan mulia kedudukan wanita dalam Islam.<sup>18</sup>

---

<sup>15</sup>Lihat m.s. 74

<sup>16</sup>Lihat kes Milah bt. Yusuf v. Mohammad Chazali Arshad.

<sup>17</sup>Abdullah Siddik, op. cit. n. 3A, m.s. 82.

<sup>18</sup>Ibid., m.s. 88.

Mengenai menyangkakan mati,<sup>19</sup> tuntutan-tuntutan seperti ini jarang-jarang berlaku kerana pihak isteri boleh buat tuntutan untuk mempersahkan taklik. Jika mereka berbuat demikian, mereka tidak terpaksa tunggu dengan masa yang lama, cuma satu bulan saja. Satu kesimpulan yang jelas ialah kuasa cerai bukan sahaja diberi kepada pihak lelaki tetapi juga pihak perempuan.

SEBAB-SEBAB PENCERAIAN

JADUAL 5

SEBAB-SEBAB PENCERAIAN BAGI 1974

NISBAH PERATUS BAGI SATU-SATU SEBAB DALAM SETAHUN										
NAFKAH		UMUR		LAYANAN		M A D U	M A N D U L	S A K I T	CAMPUR TANGAN	
ZAHIR	BATIN	MUDA	BEZA	SUAMI	ISTERI				IBU BAPA	ORANG LAIN
27	1	2	2	24	5	7	-	2	17	13

Sumber: Pejabat Kadi.

Mengikut Jadual 5, sebab yang paling utama sekali ialah campurtangan iaitu terdiri dari tiga puluh peratus daripada sebab yang ada, 17% adalah campurtangan ibubapa dan 13% lagi campurtangan orang lain. Ini menunjukkan bahawa campurtangan samada oleh ibubapa atau orang ramai

<sup>19</sup>Enakmen, s.95.

adalah satu penyakit masyarakat yang susah dihapuskan. Ini adalah berpunca dari sikap orang-orang Melayu yang suka menjaga tepi kain orang lain dan juga yang suka menyebarkan khabar-khabar angin.

Sebab yang kedua terbesar ialah tentang layanan, samada dari pihak suami atau isteri. Layanan merupakan 29% dari sebab-sebab yang ada. 24% adalah dari suami dan 5% dari isteri. Ini menunjukkan bahawa kaum lelaki kurang memberi perhatian yang berat terhadap rumah-tangga mereka.

Sebab yang ketiga terbesar ialah nafkah iaitu 28%. Nafkah zahir 27% dan nafkah batin 1%. Nafkah merupakan salah satu sebab perceraian yang terbesar kerana selepas tahun 1964, semua pihak lelaki yang berkahwin mestilah menandatangani surat taklik<sup>20</sup>. Jadi inilah merupakan senjata yang amat berguna kepada pihak perempuan untuk mengelakan mereka daripada dianiyai oleh kaum lelaki.

Tujuh peratus daripada sebab-sebab itu adalah kerana kaum isteri tidak mahu dimadukan. Walaupun seorang lelaki Islam dibenarkan oleh agama Islam berkahwin sampai empat orang jika mereka mempunyai keupayaan, nampaknya kaum perempuan tidak bersetuju dengan perkara ini. Yang peleknya disini ialah madu ini disebabkan oleh kaum perempuan sendiri. Jadi jika seseorang itu tahu<sup>21</sup> bahawa seseorang lelaki itu telah

---

<sup>20</sup> Lihat m.s. 74

<sup>21</sup> Sememangnya mereka tahu kerana mereka diperlukan mengisi borang sebelum perkahwinan. Antara lainnya mengenai samada sudah mempunyai isteri atau belum. Lihat Borang.

mempunyai isteri janganlah dia berkahwin dengan lelaki itu. Oleh yang demikian tidaklah perlu rasanya bagi kaum perempuan melaung-laungkan supaya poligami dihapuskan. Apa yang patut dilakukan ialah bermuafakat diantara mereka sendiri supaya tidak merampas suami orang lain. Janganlah nanti dikatakan bahawa musuh utama kaum perempuan adalah perempuan sendiri.

Umur samada kumpulan muda atau berbeza tidak merupakan sebab yang besar. Pendapat yang mengatakan bahawa penceraian berlaku lebih tinggi dikalangan pasangan muda adalah kurang benar. Mengikut jadual 5, pasangan muda dan pasangan yang berbeza umur adalah sama sahaja nisbah peratus penceraianya.

#### RUJUK.

Berdasarkan Jadual 3<sup>22</sup>, kita dapati bahawa peratus rujuk daripada penceraian yang terjadi adalah diantara 15% - 21%. Rujuk hanya boleh dibuat dalam masa edah sahaja iaitu selama tiga bulan. Jika lebih daripada masa ini, maka pasangan itu dikehendakki menikah semula. Seseorang yang hendak rujuk dikehendakki membuat permohonan melalui Borang "V"<sup>23</sup>. Didalam borang itu, pihak perempuan dan pihak lelaki perlu menandatangani untuk menunjukkan mereka bersetuju rujuk kembali. Pendaftar hendaklah mendaftarkan rujukan itu.<sup>24</sup>

---

<sup>22</sup>Lihat m.s. 34

<sup>23</sup>Lihat m.s. 80

<sup>24</sup>Enakmen, s.93(3).